

# SIARAN MEDIA

20 DISEMBER 2021 – UNTUK SIARAN SEGERA

## INSTITUSI PERBANKAN ISLAM MENAWARKAN SOKONGAN KEPADA PELANGGAN DI KAWASAN YANG TERJEJAS AKIBAT BANJIR

Lanjutan kenyataan media oleh Menteri Kewangan pada 19 Disember 2021, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) memberi jaminan akan terus proaktif menawarkan sokongan dan bantuan kepada pelanggan bank samada individu ataupun perniagaan yang terjejas akibat banjir yang kini melanda di beberapa buah negeri di Malaysia.

Institusi Perbankan Islam juga memahami keperluan para pelanggan untuk mendapatkan akses kewangan dan urusan perbankan justeru akan memastikan perkhidmatan perbankan asas akan terus disediakan seperti urusan di kaunter dan mesin layan diri seperti Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Cek/Deposit Tunai (CDM) berfungsi dengan baik. Notis pemberitahuan berkenaan cawangan bank terjejas akibat banjir akan dikemaskini dari masa ke semasa. Sebagai alternatif, para pelanggan juga dinasihatkan untuk menggunakan perkhidmatan perbankan atas talian jika perlu.

Sepertimana tahun-tahun sebelum ini, Institusi Perbankan Islam akan terus menghulurkan bantuan dalam tempoh yang mencabar ini dengan menyediakan penyelesaian dan bantuan kepada pelanggan berdasarkan keadaan semasa kewangan individu mereka. Pelanggan yang terjejas dinasihatkan untuk mengutamakan keselamatan diri dan keluarga terlebih dahulu serta menghubungi pihak bank masing-masing untuk berunding dengan pegawai bank berhubung isu perbankan mereka yang mungkin terjejas akibat banjir ini. Selain itu, para pelanggan juga boleh mendapatkan informasi lanjut dari laman sesawang atau akaun media sosial bank yang berkaitan berkenaan dengan perkara ini.

-Tamat-

### Mengenai AIBIM

Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) telah ditubuhkan pada tahun 1995. Pada masa ini terdapat 27 bank ahli yang termasuk 12 bank tempatan, 5 institusi kewangan pembangunan dan 10 bank asing yang diperbadankan di Malaysia. AIBIM menggalakkan sistem perbankan Islam yang kukuh di Malaysia; mewakili kepentingan ahli di dalam dan di luar negara; memberikan nasihat dan bantuan kepada para ahli dalam pembangunan perbankan dan kewangan Islam di peringkat tempatan, serantau dan global; menyelaras inisiatif pembangunan modal insan, serta meningkatkan kesedaran awam.

### Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Ahmad Zulfazly Ahmad Yusri

Persatuan Institusi Perbankan Dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM)

Emel : [fazly@aibim.com](mailto:fazly@aibim.com)

Tel : +603-2026 8002/8003